

'Mereka punya minat dan t-jawab' Dr. Mahathir puji Hassan Ibrahim dan Ishak Tadin

KUALA LUMPUR, Selasa

SIKAP didikasi Pengurus Besar Kereta-tapi Tanah Melayu, Datuk Ishak Tadin dan Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan, Encik Hassan Ibrahim dalam menjalankan tugas mereka telah mendapat pujian di Dewan Rakyat, petang ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kedua orang pegawai itu berikap demikian mungkin mereka mempunyai minat yang lebih dan perasaan bertanggungjawab kepada tugas masing-masing.

Mengkaji

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan, Encik Ikhwani Nasir (BN-Pontian) yang ingin tahu, bolehkah dua orang pegawai itu dan lain-lain pegawai kerajaan menjalankan tugas mereka lebih daripada arahan di dalam Perintah Am.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, di dalam mana-mana masyarakat, ada setengahnya berjaya dalam tugas masing-masing dan setengahnya kurang berjaya, ada

setengahnya didikasi dan ada pula yang kurang didikasi.

"Bagi dua orang pegawai ini, mungkin mereka ada minat yang lebih dan perasaan tanggungjawab di dalam tugas-tugas mereka," ujar beliau.

Kepada soalan asal dari Puan Chow Poh Kheng (BN-Ulu Langat) Timbalan Perdana Menteri memberitahu, dua langkah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan mutu kecakapan dalam perkhidmatan awam di semua peringkat.

● Pertama mengadakan berbagai rancangan latihan bagi para pegawai kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah; dan

● Kedua, sentiasa mengkaji kemampuan dan kebolehan organisasi kerajaan di semua peringkat melalui berbagai unit dan jabatan yang ditubuhkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, kursus-kursus yang dijalankan di INTAN itu sehingga ini ialah sebanyak 1,372 kepada 25,117 orang peserta.

Kursus-kursus itu meliputi bidang perkhidmatan awam,



DATUK SERI DR. MAHATHIR

keuangan, pengurusan, pentadbiran, pengurusan kakitangan, diploma sains, kursus asas pegawai tadbir dan diplomatik.

Menjawab soalan tambahan Encik Chan Teck Chan (DAP-Kota Melaka), Timbalan Perdana Menteri berkata,

walaupun ada kursus-kursus dan latihan-latihan, kadang-kala terdapat juga sikap kasar di kalangan para pegawai kerajaan dalam layanan kepada orangramail.

"Ini soal peribadi, dan ini Kerajaan tidak dapat mempastikan tidak boleh berlaku."

ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa Kerajaan akan cuba mengambil tindakan jika menerima laporan demikian.

Menjawab soalan tambahan dari Dr. Chan Man Hen (DAP-Seremban), Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan memang melatih supaya para pegawainya dapat berfikir agar dapat menjalankan tugas dengan cepat untuk memuaskan hati rakyat.

Menerima

"Tetapi bukanlah mudah untuk mengajar seseorang itu berfikir," katanya.

Mengenai tuntutan bayaran aluan yang dibuat oleh kakitangan kerajaan, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan memang mengkaji dengan teliti semua permohonan tuntutan bayaran aluan.

Menurutnya, pada masa ini terdapat 250 tuntutan sampai kepada Kerajaan daripada berbagai jenis pegawai untuk berbagai jenis aluan.

Beliau berkata, Kerajaan tidak dapat melayan atau menerima tuntutan aluan yang tidak berasas. Dalam hubungan ini, tambahannya, sebanyak 200 tuntutan telah ditolak.